



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN PERTANIAN,  
HORTIKULTUR DAN AGRO PELANCONGAN**

***MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND  
AGROTOURISM SHOW***

**(MAHA 2022)**

**6 OGOS 2022 (SABTU)**

**10.00 PAGI**

**MAEPS, SERDANG**

**SALUTASI (RUJUK FINAL DI LAPANGAN)**

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN  
YAAKOB**

Perdana Menteri Malaysia

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HJ AHMAD BIN  
HAMZAH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

**YANG BERHORMAT DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN  
HAJI SALLEH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

**YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL  
HAMID**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Pengurusan Tertinggi MAFI

Pengerusi-Pengerusi Agensi dan Ketua-Ketua Jabatan/Agensi MAFI

Dif-Dif kehormat

Rakan-Rakan Media

Seterusnya saudara dan saudari khususnya para petani, peladang, penternak, nelayan dan pengusaha sektor agromakanan dan industri makanan di seluruh negara yang saya sanjungi dan kasihi sekalian

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

1. Pertamanya, saya merakamkan ucapan **penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob** atas kelapangan masa hadir ke **Majlis Perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022**.
2. Sesungguhnya, ini adalah **tanda penghargaan yang amat bermakna buat Keluarga Malaysia khususnya peladang, penternak dan nelayan** termasuk pemain-pemain industri di atas jasa dan pengorbanan yang tidak ternilai harganya.
3. Saya juga mengambil kesempatan disini untuk **mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan** kepada semua yang hadir dalam majlis ini dimana pameran MAHA 2022 yang diadakan selama 11 hari telah pun bermula 4 Ogos hingga 14 Ogos nanti.
4. Pameran MAHA kali ini turut memfokuskan pameran hasil dan produk pertanian oleh peladang, penternak, nelayan dan usahawan tani **yang disambut sempena Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)**.
5. Oleh itu, sebagai tanda **penghargaan Kerajaan terhadap sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang sentiasa giat memainkan peranan sebagai penyumbang utama pengeluaran makanan negara**, sebanyak **17 buah anugerah** telah dipertandingkan dalam **Anugerah Agro MAHA 2022**.
6. Anugerah-anugerah yang dipertandingkan merupakan lanjutan daripada anugerah pada peringkat Hari Peladang, Peternak, Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK). **Sebentar lagi, satu Anugerah Perdana Sektor Agromakanan akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri**.
7. Saya berharap anugerah ini dapat memberi **suntikan motivasi dan dorongan kepada individu, masyarakat serta pemain industri agromakanan** supaya lebih positif terhadap pemodenan serta transformasi sektor tanaman, penternakan, akuakultur dan pemprosesan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

8. Seperti kejayaan penganjurannya yang lalu, MAHA 2022 kali ini juga menawarkan **rangkaian kenalan perniagaan baharu bagi mempelajari kaedah dan inovasi pertanian** terkini supaya masyarakat pertanian

Malaysia cakna serta dapat mengambil bahagian dalam gerakan menerajui revolusi pertanian era IR 4.0 yang sedang berlaku di seluruh dunia.

9. Sehubungan itu, **pemilihan Tema MAHA 2022: “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan”** atau **“Food Security for the Future”** adalah tepat dan selari dengan komitmen Kerajaan yang terus memberi tumpuan dalam agenda memperkukuh sekuriti makanan negara.
10. Objektif utama penganjuran MAHA adalah untuk **mempromosikan sektor agromakanan dan industri makanan** dengan mengetengahkan kepelbagaian produk, kejayaan-kejayaan perusahaan serta pelbagai inisiatif yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta.
11. MAHA turut memberi **sorotan utama kepada keseluruhan ekosistem dan rantai nilai sektor pertanian** selain menyediakan ruang untuk **mempamerkan peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan oleh industri agromakanan** yang sedang berkembang pesat.
12. Pada tahun ini, **MAHA 2022** yang meliputi 22 segmen menjadi lebih istimewa kerana ia diadakan secara **‘Hybrid’ buat pertama kalinya**, di mana acara platform langsung dan maya digabungkan. Diharapkan melalui gabungan pengalaman seunik ini, sektor agromakanan akan mendapat tambahan momentum dalam menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk negara.
13. Dengan penyertaan lebih 1,500 *booth* pempamer, MAHA kali ini mensasarkan **seramai 1.1 juta pengunjung dengan 250 juta ringgit potensi nilai jualan**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

14. Sesungguhnya, Kerajaan sentiasa mengolah pelbagai inisiatif dan usaha untuk **menjamin kemampuan rakyat memperoleh bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga berpatutan secara berterusan untuk Keluarga Malaysia**.
15. Melangkah ke hadapan, **pemodenan dan pertanian pintar adalah key game changers** untuk transformasi sektor agromakanan negara di bawah **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** yang memfokuskan pendekatan baharu berasaskan teknologi moden dan pembangunan mampan selaras dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030.

16. Malah, sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), **agenda pemodenan dan pertanian pintar juga antara fokus utama dalam memacu sektor agromakanan negara yang mampan, berdaya tahan dan berpacukan teknologi.**
17. Dalam hal ini, Kerajaan akan memberi tumpuan yang berterusan kepada **pemodenan sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara** di samping memacu pertumbuhan ekonomi demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

18. Saya yakin, penganjuran MAHA 2022 kali ini lebih dekat dengan masyarakat terutamanya **menarik minat anak muda untuk terus menceburi sektor agromakanan dengan tenaga kerja yang lebih mahir dan mengaplikasi kepakaran teknologi moden yang tinggi.**
19. Pada masa yang sama, sesungguhnya Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada **kebajikan Keluarga Peladang, Penternak dan Nelayan yang merupakan tulang belakang kepada sekuriti makanan negara.**
20. Sekali lagi saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob** atas kesudian merasmikan majlis kita pada hari ini.
21. Semoga penganjuran MAHA 2022 kali ini berjalan lancar dan mencapai objektifnya serta sesuai dengan **penganjurannya demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.**

Sekian, terima kasih.